

Kes Eric: Pendakwa diarah serah dokumen kepada peguam bela baharu



SEBUTAN KES: Ling dan Wendy masing-masing diiringi polis ke kamar Mahkamah Tinggi semalam.

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini semalam memberi tempoh hampir sebulan kepada pihak pendakwaan untuk menyerahkan dokumen-dokumen relevan kepada pihak pembelaan yang baru dilantik untuk mengendalikan kes bunuh kanak-kanak lelaki berusia empat tahun, Eric Chang Wei Jie.

Hakim Azhahari Kamal Ramli berkata, dokumen-dokumen contohnya keterangan di bawah Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah dan laporan kimia harus diberikan segera kepada pihak pembelaan, sebelum prosiding bagi kes tersebut dapat diteruskan.

Ia katanya, supaya peguam lantikan mahkamah yang baru dilantik mewakili Wendy Chai Xue Zhen, 36, dan Ling Kok Liang, 51, dapat menilai kedudukannya dalam membela kedua-dua individu tersebut.

Dalam sebutan kes semalam, mahkamah dimaklumkan bahawa peguam Daniel Ling telah dilantik untuk mewakili pengasuh Eric iaitu Wendy dan pasangannya Ling yang masing-masing berhadapan pertuduhan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama.

Bagaimanapun, Daniel memberitahu mahkamah

yang beliau belum menerima sebarang dokumen daripada pihak pendakwaan.

Mahkamah juga diberitahu oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Kong Siew Chuo bahawa laporan forensik belum tersedia, menyebabkan kes berkenaan tertangguh.

Sehubungan itu, Azhahari memerintahkan kes disebut semula pada 9 Mei ini, selain mengarahkan Wendy dan Ling untuk direman lanjut di Penjara Puncak Borneo.

Terdahulu pada 31 Mac 2022, Wendy dan Ling didakwa di Mahkamah Majistret atas tuduhan secara bersama melakukan

pembunuhan sehingga menyebabkan kematian Eric antara 4 Mac 2022 sekitar jam 5 petang dan 7 Mac 2022 sekitar jam 9.15 pagi di sebuah rumah di Taman Riverview, Jalan Daya, Bintawa di sini.

Jika sabit kesalahan, kedua-dua individu tersebut boleh dijatuhkan hukuman mati.

Eric sebelum ini dilaporkan hilang pada 7 Mac 2022 semasa dijaga oleh pengasuhnya (Wendy) di sebuah kawasan perumahan di Bintawa.

Operasi pencarian Eric di sekitar perairan sungai Muara Tebas di sini sejak 13 Mac 2022 dihentikan pada jam 6 petang 19 Mac 2022.